

503:  
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 16 JUN (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYEBUT PERLUNYA DITUMPUKAN PERHATIAN PENUH TERHADAP PERANCANGAN KESUBURAN MULAI SEKARANG SEBAGAI LANGKAH MEMBASMI KEMUNDURAN DAN KEMISKINAN.

KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN BERERTI MERUNTUHKAN NEGARA YANG SEDANG DIBINA DAN DIBANGUNKAN, KATANYA DI PERASMIAN SEMINAR PERANCANGAN KESUBURAN ANJURAN LEMBAGA PERANCANGAN KELUARGA NEGARA DISINI. BELIAU DIWAKILI OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, TAN SRI CHONG HON NYAN.

DR. MAHATHIR BERKATA, SETAKAT INI BELUM ADA PROGEM YANG BENAR-BENAR MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP PERANCANGAN KESUBURAN.

INI BERLAKU WALAUPUN RANCANGAN-RANCANGAN YANG LEPAS-LEPAS TELAH DAPAT MENYEDIAKAN PROGEM TERTENTU BERTUJUAN MENINGGIKAN TARAF HIDUP RAKYAT.

KATANYA, PERANCANGAN KESUBURAN MERUPAKAN ASAS KEPADA MEMBENTUK SESEBUAH KELUARGA YANG BENAR-BENAR SIHAT DAN CERGAS DALAM MASYARAKAT MALAYSIA MODEN. — BERSAMBUNG 1145/SZ

504:  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENEGASKAN KESUBURAN INDIVIDU ADALAH KESUBURAN MASYARAKAT DAN NEGARA. OLEH ITU NEGARA PERLU MENASIHATKAN INDIVIDU DALAM SOAL-SOAL SEPerti KESUBURAN.

BELIAU BERKATA, PERANCANGAN KESUBURAN BUKANLAH SEMATA-MATA TANGGUNGJAWAB KERAJAAN, MALAH MENJADI KEWAJIPAN SELURUH RAKYAT DAN KAKITANGAN KERAJAAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU.

KATANYA, KESULITAN YANG TIMBUL AKIBAT KELAHIRAN SEKARANG HANYA DAPAT DIRASAKAN SELEPAS 15 ATAU 20 TAHUN KEMUDIAN MANAKALA BAYI YANG DILAHIRKAN MEMASUKI BIDANG PEKERJAAN, KETIKA ITU SUDAH TERLAMBAT UNTUK BERTINDAK.

BELIAU MENINGGATKAN PENGHUNI-PENGHUNI RUMAH PANGSA DAN SETINGGAN-SETINGGAN MENITIKBERATKAN SOAL PERANCANGAN TERSEBUT.

INI PERLU KERANA KESUBURAN SESUATU KELUARGA HENDAKLAH DISUSUN MENGIKUT KEADAAN ALAM SEKELILING. — BERSAMBUNG 1147/SZ

507:  
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

TIMBALAN MENTERI MENINGGATKAN KEMUNGKINAN PIHAK KOMUNIS BERUSAHA MENGELIRUKAN RAKYAT TENTANG DASAR KERAJAAN TERHADAP PERANCANGAN KESUBURAN.

OLEH ITU ADALAH PERLU SEMUA PIHAK BENAR-BENAR MEMAHAMI DASAR TERSEBUT SUPAYA TIDAK DIPERALAT OLEH KOMUNIS UNTUK KEPENTINGAN PERJUANGAN MEREKA.

DR. MAHATHIR BERHARAP, SEMINAR TERSEBUT BERTAJUK PERANCANGAN KESUBURAN KE ARAH PENCAPAIAN KEMAJUAN YANG LEBIH BESAR DI BIDANG SOSIAL DAN EKONOMI, AKAN DAPAT MEMBUAT RUMUSAN-RUMUSAN YANG DAPAT DILAKSANAKAN OLEH BERBAGAI AJENSI KERAJAAN. — BERSAMBUNG 1151/SZ

508:  
MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU PENERUSI LEMBAGA PERANCANGAN KELUARGA NEGARA, TAN SRI JAMIL RAIS DALAM UCAPANNYA BERKATA LEMBAGA ITU SEDANG MENJALANKAN SEGALA USAHA UNTUK MENURUNKAN PERTAMBAHAN PENDUDUK KEPADA KADAR DUA PERATUS PADA TAHUN 1985.

APA YANG PENTING SEKARANG IALAH MEMBERIKAN KESEDARAN KEPADA UMUM DARI SEMUA LAPISAN TENTANG PENTINGNYA PERANCANGAN KELUARGA UNTUK MENGUJUDKAN GENERASI MUDA YANG PENOH BERSEMANGAT DAN BERKEBOLEHAN. — BERNAMA 1153/SZ

20)